

# SATU SERANGAN STROK ADALAH TERLALU BANYAK.

Jika anda diserang strok disebabkan punca yang tidak diketahui, ketahui cara yang dapat anda lakukan untuk mencegah daripada serangan strok yang lain.



## MEMAHAMI PENUTUPAN FORAMEN OVALE PATEN (PFO) DAN PENYUMBAT PFO AMPLATZER™

Maklumat yang terkandung di dalam ini adalah untuk **PENGEDARAN di luar A.S. sahaja**. Semak status kawal selia peranti di kawasan tempat penandaan CE bukan peraturan yang dikuatkuasakan.





# APAKAH ITU SERANGAN STROK?

Serangan strok adalah berpunca daripada gangguan secara tiba-tiba dalam aliran darah ke bahagian otak atau pendarahan dalam tisu otak. Apabila serangan ini berlaku, sel otak mengalami pengurangan oksigen dan mula mati serta menyebabkan kerosakan otak. Apabila sel otak mati semasa serangan strok, fungsi yang dikawal oleh bahagian otak tersebut, seperti pertuturan atau pergerakan, mungkin terencat.

Terdapat dua jenis strok utama: **strok hemoragik** dan **strok iskemik**. Strok hemoragik berlaku apabila saluran darah yang rosak dalam otak membenarkan pendarahan memasuki tisu otak dan mengakibatkan otak menjadi bengkak dan tertekan dan akhirnya merosakkan otak. Strok iskemik berlaku apabila sekatan terjadi di dalam saluran darah yang membawa darah ke otak.

## APAKAH ITU STROK KRIPTOGENIK?

Strok iskemik—yang tiada punca yang pasti ditemui—dikenali sebagai **strok kriptogenik**. Dianggarkan bahawa 25% hingga 30% strok iskemik ialah kriptogenik.

**Satu kebarangkalian faktor yang mungkin menyumbang kepada strok kriptogenik ialah kehadiran Foramen Ovale Paten (PFO).**

Maklumat yang terkandung di dalam ini adalah untuk **PENGEDARAN di luar A.S. sahaja**. Semak status kawal selia peranti di kawasan tempat penandaan CE bukan peraturan yang dikuatkuasakan.




# APAKAH ITU FORAMEN OVALE PATEN (PFO)?

Semasa pertumbuhan, sebelum kelahiran, terdapat satu saluran antara bahagian kiri dan kanan jantung dipanggil foramen ovale, yang membolehkan darah dari urat melintasi jantung. Dalam kira-kira 33%<sup>1</sup> orang, foramen ovale tidak tertutup sepenuhnya selepas dilahirkan. Apabila foramen ovale kekal terbuka, ia dipanggil “foramen ovale paten” atau PFO. Lazimnya, PFO tidak mendatangkan masalah. Namun, dalam kes tertentu, ia boleh membenarkan sejumlah kecil darah melalui dari bahagian kanan jantung ke bahagian kiri jantung.

**Gambar rajah di bawah menunjukkan foramen ovale terbuka sebelum kelahiran, foramen ovale tertutup selepas kelahiran, dan foramen ovale paten selepas kelahiran.**


## RAJAH 1:

Sebelum kelahiran




## RAJAH 2:

Selepas kelahiran, penutupan semula jadi untuk foramen ovale



## RAJAH 3:

Foramen ovale kekal terbuka dan mewujudkan PFO



## BAGAIMANAKAH PFO MEMPENGARUHI RISIKO SERANGAN STROK?

Gumpalan darah boleh terbentuk di dalam urat anda atas pelbagai sebab dan bergerak ke bahagian kanan jantung. Lazimnya, darah ini kemudiannya dipam ke jantung yang bertindak sebagai penapis. Namun, PFO boleh membenarkan gumpalan darah ini melalui jantung dan melintasi bahagian kiri jantung. Dari sana, darah boleh dipam ke otak dan menyebabkan serangan strok.

**Pesakit yang mempunyai PFO dan pernah diserang strok kriptogenik mungkin berdepan dengan peningkatan risiko mendapat serangan strok kedua. Bagi sesetengah pesakit, serangan strok yang kedua boleh dicegah dengan menutup PFO.**



# MEMAHAMI PILIHAN ANDA UNTUK MENDAPATKAN RAWATAN PFO

Jika anda pernah diserang strok kriptogenik dan juga didiagnosis mempunyai PFO, penutupan PFO melalui Penyumbat PFO Amplatzer™ ialah pilihan rawatan untuk mengurangkan risiko mendapat serangan strok yang lain. Selepas membincangkan manfaat dan risiko dengan doktor anda, anda boleh menentukan pilihan rawatan yang tepat bagi anda. Rawatan ini termasuklah:



## UBAT UNTUK MENCAIRKAN DARAH

Doktor anda mungkin memberikan ubat untuk mencairkan darah bagi mengurangkan peluang darah anda tergumpal. Aspirin (diambil setiap hari) ialah ubat yang disyorkan untuk kebanyakan pesakit bagi mengurangkan risiko diserang strok iskemik yang lain. Seseengah doktor menyarankan ubat untuk mencairkan darah yang dipanggil bahan antigumpalan.



## PEMBEDAHAN JANTUNG TERBUKA UNTUK MENUTUP PFO

Kebanyakan pembedahan jantung terbuka dilakukan melalui insisi di sepanjang tulang dada atau sternum. Pembedahan jantung terbuka memerlukan penggunaan mesin jantung paru-paru yang mengambil alih fungsi jantung buat sementara waktu. Hari ini, pembedahan jantung terbuka jarang dilakukan untuk menutup PFO.



## PENUTUPAN PFO MELALUI PENYUMBANT PFO AMPLATZER™

Penyumbat PFO Amplatzer™ ialah peranti yang boleh ditempatkan di dalam jantung anda untuk menutup PFO melalui teknik invasif dan berasaskan kateter secara minimum, dan direka bentuk untuk menghalang darah daripada mengalir melalui PFO.



# MENCEGAH PENGULANGAN SERANGAN STROK KRIPTOGENIK MELALUI PENYUMBAT PFO AMPLATZER™

Kekhawatiran mendapat serangan strok yang lain boleh menjadi sesuatu yang melelahkan. Dengan Penyumbat PFO Amplatzer™, doktor anda mungkin dapat mengurangkan risiko pengulangan serangan strok dengan ketara. Dikaji secara meluas dalam percubaan klinikal, terapi oklusi PFO telah menunjukkan hingga **97%<sup>2</sup> pengurangan risiko relatif** bagi pengulangan serangan strok iskemik apabila dibandingkan dengan terapi perubatan.

**Dengan prestasi yang terbukti melebihi daripada 100,000<sup>3</sup> peranti diimplan di seluruh dunia dalam tempoh lebih 20 tahun, Penyumbat PFO Amplatzer™ dipercayai oleh beribu-ribu doktor di seluruh dunia.**





# PENERANGAN PERANTI PENYUMBAT PFO AMPLATZER™



Penyumbat PFO Amplatzer™ ialah peranti yang secara khusus direka bentuk untuk menghalang aliran darah melalui PFO dan mengurangkan risiko mendapat serangan kriptogenik berulang. Peranti ini mengandungi dua cakera wayar-jejaring membulat yang ditutup dalam fabrik perubatan dan dilekapkan bersama untuk menutup PFO antara dua ruang atas di dalam jantung anda (atrium kiri dan atrium kanan).


Bahan wayar-jejaring boleh diruntuhkan untuk dipadankan dengan tiub kecil (kateter) yang digunakan untuk menempatkan peranti semasa prosedur tersebut. Setelah peranti ditempatkan di dalam PFO, ia akan kekal ditanam di dalam jantung anda. Dari masa ke masa, proses penyembuhan tubuh secara semula jadi akan menutup peranti dengan tisu.

## PANDANGAN DOKTOR TENTANG PENUTUPAN PFO

“Prosedur penutupan PFO ialah prosedur campur tangan jantung yang paling selamat dan berkesan pernah saya lakukan. Dengan pemilihan pesakit yang betul, perancangan prosedur dan pasukan yang berpengalaman, prosedur ini boleh diselesaikan dalam tempoh satu jam. Selalunya, pesakit boleh keluar dari wad pada hari yang sama atau keesokan pagi.”

—Dr. John D. Carroll  
*Profesor Perubatan, University of Colorado Denver*

Maklumat yang terkandung di dalam ini adalah untuk **PENGEDARAN di luar A.S. SAHAJA**. Semak status kawal selia peranti di kawasan tempat penandaan CE bukan peraturan yang dikuatkuasakan.



**PESAKIT YANG PERNAH MELAKUKAN  
PROSEDUR PENUTUPAN PFO TELAH  
MENGALAMI HINGGA**



**97% PENGURANGAN**

dalam risiko mereka mendapat serangan strok berulang<sup>2</sup>

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang Penyumbat PFO Amplatzer™, berbincang dengan doktor anda atau kunjungi [CRYPTOGENICSTROKE.COM](https://www.cryptogenicstroke.com).

**RUJUKAN:**

**1.** Preventive Cardiology What Proportion of Stroke Is Not Explained by Classic Risk Factors? Catalina C. Ionita, MD; Andrew R. Xavier, MD; Jawad F. Kirmani, MD; Subasini Dash, MD; Afshin A. Divani, PhD; Adnan I. Qureshi, MD *Disclosures Prev Cardiol.* 2005;8(1):41-46. **2.** Mas JL, Derumeaux G, Guillon B, et al. Patent foramen ovale closure or anticoagulation vs. antiplatelets after stroke. *N Engl J Med.* 2017;377:1011-21 and supplementary appendix. **3.** Abbott (2018). Internal Sales Data 1996-2018.

**AWAS:** Produk ini bertujuan untuk digunakan oleh atau di bawah arahan doktor. Sebelum penggunaan, rujuk Arahan Penggunaan, di dalam karton produk (jika tersedia) atau di [eifu.abbottvascular.com](https://eifu.abbottvascular.com) atau [medical.abbott/manuals](https://medical.abbott/manuals) untuk mendapatkan maklumat terperinci tentang Indikasi, Kontraindikasi, Amaran, Langkah Berjaga-jaga dan Kejadian Buruk. Maklumat yang terkandung di dalam ini adalah untuk **PENGEDARAN di luar A.S. SAHAJA**. Semak status kawal selia peranti di kawasan tempat penandaan CE bukan peraturan yang dikuatkuasakan.

Ilustrasi adalah gambaran pelukis sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai lukisan atau gambar kejuruteraan.

Foto dalam fail di Abbott.

**Abbott Vascular International BVBA**

Park Lake, Culliganlaan 2b, 1831 Diegem, Belgium  
[www.cardiovascular.abbott](https://www.cardiovascular.abbott)

™ Menunjukkan tanda dagangan kumpulan syarikat Abbott.

‡ Menunjukkan tanda dagangan pihak ketiga, iaitu hak pemilik masing-masing.

© 2021 Abbott. Semua Hak Cipta Terpelihara.

MAT-2102690 v1.0 | Item diluluskan untuk kegunaan di Singapura dan Malaysia sahaja

